



21 JUN, 2026

Anjung Bercham dibadai ribut

Berita Harian Ahad, Malaysia



Anjung Bercham dibadai ribut

Angin kencang terbangkan bumbung, beberapa tiang elektrik turut tumbang

Ipoh: Lebih 200 rumah di tujuh kawasan perumahan sekitar Anjung Bercham di sini rosak akibat ribut petang kelmarin dengan beberapa foto dan video mengenai kejadian itu turut tular di media sosial.

Berdasarkan foto dan video di-kongsi, angin kencang dilihat membadai kawasan perumahan ketika hujan lebat melanda menerbangkan beberapa struktur kediaman khususnya bumbung.

Pusat Kawalan Operasi Daerah (PKOD) Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Kinta dalam kenyataan memaklumkan kejadian berlaku sekitar 3.47 petang hasil maklumat disalurkan oleh Penghulu Mukim Ulu Kinta (Tanjung Rambutan).

"Bertindak daripada maklumat itu, tiga anggota APM telah diarahkan untuk membuat pemantauan ke kawasan berkenaan.

"Antara kawasan terjejas, Daratan Tasek Timur 6 dengan ang-

garan 177 rumah, Hala Tasek Timur 1 dan Lorong Bercham 19 masing-masing membabitkan 22 rumah, Hala Tasek Timur 34 (10 rumah), Laluan Tasek Timur 15 (lima rumah) serta Lintasan Tasek Timur 1 dan Lintasan Tasek Timur 3 (dua rumah)," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu memaklumkan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) turut menghantar pasukan ke lokasi jam 5.05 petang bagi kerja pembersihan, termasuk mengalihkan pokok tumbang menghalang laluan dan mengancam keselamatan penduduk.

Putuskan bekalan elektrik

Kejadian itu turut menyebabkan beberapa tiang elektrik tumbang di kawasan perumahan dan jalan raya dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah memutuskan bekalan elektrik di kawasan itu untuk sementara waktu sebagai langkah keselamatan.

Selain itu, Dewan Datuk Ahmad Said kini diletakkan dalam keadaan siap siaga sebagai pusat pemindahan sementara (PPS), manakala Pegawai Daerah Kinta telah mengarahkan semua agensi berkaitan supaya bersiap sedia susulan kejadian itu yang turut menyaksikan hujan lebat selama lebih sejam.

PKOD APM Kinta memaklumkan hujan lebat berterusan kira-kira satu jam 30 minit menyebabkan banjir di kawasan Kampung



Pemandangan dari udara keadaan rumah penduduk di Taman Anjung Bercham yang rosak akibat ribut petang kelmarin.

(Foto Siti Hajar Mohd Salleh/BH)

Tanjung Simpang Pulau menjejaskan kira-kira 60 rumah.

Sementara itu, Ahli Parlimen Ipoh Barat M Kulasegaran yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), berkata kejadian ribut itu disifatkan luar biasa sehingga menjejaskan lebih 200 rumah membabitkan lima kawasan di sekitar Bercham.

Katanya, kejadian itu tidak pernah dilaporkan sebelum ini dipercayai berpunca daripada fenomena 'belalai darat'.

"Sepanjang pengetahuan kita,

kejadian seperti ini tidak pernah berlaku di kawasan ini. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini ada juga beberapa kawasan dilanda ribut, tetapi biasanya membabitkan pokok tumbang atau kerosakan kecil. Kali ini, agak berbeza kerana kesannya lebih teruk dan menyerupai taufan kecil," katanya ketika meninjau proses pendaftaran maklumat mangsa di Dewan Senator Dato' Shamsuddin Kampung Tersusun Tasek di sini semalam.

Katanya, bantuan segera sedang disalurkan kepada mangsa dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Ma-

syarakat (JKM), penghulu serta agensi berkaitan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Ipoh Asisten Komisioner Muhammad Najib Hamzah, berkata setakat pagi semalam sebanyak 240 kediaman serta lapan premis perniagaan dilaporkan terkesan akibat kejadian itu.

Beliau berkata kejadian ribut kira-kira 3 petang itu tidak melibatkan kemalangan jiwa dan polis telah melakukan rondaan manakala beberapa kawasan ditutup untuk mengehendkan pergerakan.

BERNAMA